

**P.U. (A) 11/2008**

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (KETIDAKPAKAIAN PENGGAL 5  
BAHAGIAN VI) 2008**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 315(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian VI) 2008**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Januari 2008.

**Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian VI Akta bagi dana asing yang dibenarkan**

2. (1) Peruntukan Penggal 5 Bahagian VI Akta tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana tawaran skim unit amanah yang dibenarkan di bawah Garis Panduan bagi Penawaran, Pemasaran dan Pembahagian Dana Asing yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Suatu skim unit amanah yang dibenarkan yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah mematuhi apa-apa kehendak Garis Panduan yang disebut dalam subperenggan itu dan terma atau syarat yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Dibuat 8 Januari 2008

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1; PN(PU<sup>2</sup>)662/III]

**TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP**

*Menteri Kewangan Kedua*